

16/06/2002

Konvensyen Islam cadang tubuh pakar ilmu

MELAKA: Konvensyen Islam 2002 peringkat kebangsaan mencadangkan kerajaan menubuhkan pakar ilmu Islam bagi memantau penyebaran dan perkembangan ilmu Islam bagi menjamin kesahihan dan memastikan ia tidak diselewengkan.

Cadangan itu adalah salah satu daripada sembilan resolusi yang diputuskan dalam Konvensyen Islam 2002 peringkat kebangsaan yang berlangsung selama dua hari, berakhir hari ini.

Dekan Kuliah Dirasat, Kolej Teknologi Islam Melaka, Jamil Awang berkata, kerajaan juga hendaklah memberi mandat kepada kumpulan terbabit untuk mencadangkan sebarang tindakan dan hukuman yang wajar bagi menangani masalah negatif yang boleh menggugat akidah serta perpaduan umat Islam.

"Kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat hendaklah mempertingkatkan program yang dapat memperkukuhkan integrasi ummah yang boleh meningkatkan perpaduan untuk mencapai kemajuan dan kejayaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan resolusi Konvensyen Islam 2002 peringkat kebangsaan di sini, semalam.

Resolusi itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum dijadikan garis panduan dan rujukan oleh majlis dan Jabatan Agama Islam negeri bagi memantapkan perpaduan ummah.

Konvensyen yang dianjurkan oleh kerajaan negeri itu disertai kira-kira 450 peserta dari seluruh negara dengan pembentangan 10 kertas kerja oleh ahli akademi dan cendekiawan Islam.

Jamil berkata, perkara lain yang turut diputuskan termasuk menyeru parti politik supaya tidak memeralatkan agama bagi meraih sokongan rakyat.

Katanya, konvensyen dua hari itu turut menyeru jawatankuasa fatwa kebangsaan dan ulama supaya lebih responsif dan positif terhadap isu agama yang bertunjangkan perpaduan ummah.

Beliau berkata, isu peringkat kebangsaan pula hendaklah diputuskan oleh jawatankuasa fatwa kebangsaan dan diwartakan sebelum disebar dengan meluas. Manakala rakyat perlu mematuhi.

Di samping itu, umat Islam dinasihatkan menyikut, mengamal dan menghayati tarbiyah islamiyah serta sentiasa berada dalam budaya hidup masyarakat bertakwa.

Manakala kaum lain pula disarankan supaya lebih sensitif terhadap isu yang menyentuh sensitiviti kepentingan umat Islam dan hak ketuanan Melayu bagi memastikan perpaduan dan keamanan negara terus kekal.

(END)